

07 OCT 1998

Mahathir-Perhimpunan

PERHIMPUNAN: UMNO TERIMA KEPUTUSAN POLIS

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Umno akan mematuhi arahan polis supaya tidak mengadakan "rapat umum" pada Sabtu ini, kata Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya Umno mahu mematuhi kehendak Undang-undang serta polis yang bertanggungjawab melaksanakannya.

Perhimpunan Perdana yang dicadangkan Sabtu ini oleh pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) dijangka dihadiri lebih 150,000 anggota Barisan Nasional bagi menyatakan sokongan mereka kepada kepimpinan Datuk Sri Dr Mahathir.

"Saya seorang rakyat yang mematuhi arahan. Sekiranya polis kata tidak boleh (adakan perhimpunan itu), saya terpaksa menerima keputusan itu. Saya perlu memberi contoh," katanya kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini malam ini.

Perhimpunan yang dicadang berlangsung selama dua jam di Stadium Nasional Bukit Jalil itu antara lain mengandungi penerangan Dr Mahathir mengenai isu-isu semasa, pertunjukan kebudayaan dan nyanyian lagu-lagu patriotik.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Kamaruddin Md Ali semalam berkata polis membuat keputusan untuk tidak mengeluarkan permit untuk perhimpunan berkenaan atas sebab-sebab keselamatan.

Keputusan itu dibuat oleh Ketua Daerah Polis Cheras ACP Mohd Bakri Zinin.

Kamaruddin berkata polis juga tidak akan mengeluarkan permit kepada mana-mana pihak yang bercadang untuk mengadakan perhimpunan di tempat-tempat seperti Stadium Merdeka, Dataran Merdeka, sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman dan tempat lain di bandar raya pada tarikh yang sama.

Dr Mahathir ketika ditanya mengenai keputusan mahkamah kelmarin yang melarang semua pihak membuat kenyataan mengenai kes bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata, Umno akan mematuhi keputusan itu.

"Kami memutuskan untuk tidak membincangkan dakwaan yang dikenakan ke atas Anwar. Kami menghormati mahkamah, menghormati injunksi mahkamah ke atas sebutan terhadap dakwaan tersebut," katanya.

Perdana Menteri juga berkata larangan mahkamah itu bukan sahaja ditujukan kepada beliau, tetapi kepada semua orang termasuk para penyokong Anwar.

Anwar, yang kini menghadapi 10 tuduhan di mahkamah berhubung persetubuhan bertentangan aturan tabii dan rasuah, dipecat dari jawatan kabinet pada 2 Sept dan dari parti, sehari kemudiannya.

Perbicaraannya akan mula didengar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 2 Nov depan.

Dr Mahathir berkata mesyuarat Majlis Tertinggi selama lebih tiga jam itu turut membincangkan mengenai keadaan politik dan ekonomi negara kini.

Katanya, MT berpendapat parti itu tidak terjejas berikutan keadaan negara sekarang, anggotanya masih bersatu-padu dan menyokong tindakan yang diambil majlis itu sebelum ini.

Apabila ditanya mengenai kenyataan Jabatan Negara Amerika Syarikat yang meminta supaya layanan lebih baik diberi kepada Anwar dan sama ada Amerika tidak mendapat gambaran jelas mengenai keadaan negara ini, Dr Mahathir berkata: "Kita bukan terhutang budi dengan mereka. beholden to them.

"Kita mengurus negara kita secara kita, kita juga mempunyai beberapa

perkara yang kita perlu perkemaskan dan kita fikir sekiranya kita buat hal kita, adalah baik untuk semua," katanya.

"Sebelum kita mengeluarkan soalan secara umum, eloklah tanya apa yang sebenarnya berlaku sebelum membuat kenyataan awam yang mungkin menjejaskan mahkamah," katanya.

Kepada satu lagi soalan, Perdana Menteri berkata beliau telah menulis kepada Presiden Clinton apabila Presiden AS itu meminta sokongannya berhubung dengan serang peluru berpandu oleh AS di Sudan dan Afghanistan.

Dr Mahathir berkata beliau tidak berada pada kedudukan untuk menyokong tindakan seperti itu kerana tidak terdapat bukti bahawa kilang farmasi yang diserang di Sudan itu mengeluarkan gas saraf ataupun kimia.

"Saya anggap itu satu pencabulan hak asasi manusia. Anda tidak boleh melepaskan peluru berpandu ke atas sesuatu negara yang tidak mempunyai masalah dengan negara anda sendiri.

"Kita tidak boleh melepaskan peluru berpandu di atas negara-negara kerana peluru berpandu bukanlah sempurna. Ia mungkin jatuh dan menyebabkan kerosakan kepada negara yang ia lalu untuk ke destinasiya," katanya.

AS telah melepaskan peluru berpandu ke dua-dua negara itu sebagai tindak balas kepada pengeboman ke atas kedutaan-kedutaannya di Nairobi, Kenya dan Dar-es-Salaam di Tanzania Ogos lepas, yang mengorbankan 12 rakyat AS.

--BERNAMA

RAZ/SHO WAT